



No. Ruj.Fail : MDT 1/9/43 JLD.VI ( 8 )

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Pemberitahu adalah dipelawa dari Rakyat Negeri Johor / warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh iklan ditutup yang berkelayakan untuk mengisi jawatan tetap **Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19** di Majlis Daerah Tangkak, Johor.

1. **KLASIFIKASI** : **PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
2. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
3. **TARAF JAWATAN** : **TETAP**
4. **GRED GAJI** : **N19**
5. **JADUAL GAJI** : **MINIMUM - MAKSIMUM**  
**RM 1,352.00 – RM 4,003.00**
6. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (**Gaji permulaan : RM1,352.00**); atau
  - (ii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (**Gaji permulaan :RM1,408.40**); atau
  - (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan **serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (**Gaji permulaan :RM1,464.80**)

**7. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian ( **sekurang-kurangnya Gred C** ) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

**8. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;

- i. mempunyai kelayakan seperti di perenggan 6 [a] di atas; atau
- ii. lulus Peperiksaan Khas; dan

**iii. had umur pelantikan:**

- (a) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (b) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan 58 tahun; atau
- (c) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

**9. DESKRIPSI TUGAS:**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan, statistik serta penyediaan

**10. KEKOSONGAN JAWATAN : SATU ( 1 ) / TETAP**

**11. CARA-CARA MEMOHON:**

- (a) Semua permohonan hendaklah menggunakan **Borang Jawatan Kosong Majlis Daerah Tangkak** yang boleh didapati melalui laman web [www.mdtangkak.gov.my](http://www.mdtangkak.gov.my) atau datang sendiri ke Pejabat Besar, Majlis Daerah Tangkak ( Bahagian Sumber Manusia ) pada waktu pejabat (8.00 pagi - 5.00 petang) dengan bayaran RM1.00 setiap borang permohonan atau dengan mengirim sampul surat berukuran 10cm X 32cm ( 4x9 inci) bersetem 0.50 sen beralamat sendiri dengan mencatat "**PERMOHONAN BORANG**" dan "**NAMA JAWATAN**" disudut sebelah atas kiri sampul surat.

- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan:-
- i) Salinan sah Sijil-Sijil Persekolahan
  - ii) Salinan sah Kad Pengenalan
  - iii) Salinan sah Sijil Lahir
  - iv) Sijil Berhenti Sekolah
  - v) Salinan sah Lesen Memandu
  - v) Gambar warna berukuran pasport
  - vi) Surat/dokumen-dokumen berkaitan jika ada, serta dialamatkan kepada;

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
84900, TANGKAK, JOHOR.**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 19 DISEMBER 2017**

- (c) Permohonan dari pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab A , Bil. 17 Tahun 2005.
- (d) Hanya calon yang ditapis untuk ditemuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (e) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.

**12. Permohonan Yang Berikut Akan Ditolak:**

- i. Borang permohonan tidak diisi dengan lengkap dan tidak ditandatangani
- ii. Tidak disertakan dokumen yang lengkap
- iii. Tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan
- iv. Salinan sijil dan dokumen yang tidak disahkan
- v. Diterima selepas tarikh tutup iklan
- vi. Tidak memenuhi / tidak menepati syarat-syarat kelayakan jawatan yang diiklankan
- vii. Tidak menyertakan gambar warna

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH TANGKAK  
TANGKAK  
Tarikh: 01.12.2017**